



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

STATISTIK KAPASITI PENGGUNAAN INDUSTRI PEMBUATAN SUKU PERTAMA 2023

Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 79.6 peratus pada suku pertama 2023

PUTRAJAYA, 19 Mei 2023 – Industri Pembuatan beroperasi pada kapasiti penggunaan 79.6 peratus pada suku pertama 2023. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini mengenai keluaran pertama **Statistik Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan, Malaysia, Suku Pertama 2023**. Laporan ini memuatkan statistik bagi tahun 2015 sehingga suku pertama 2023 di peringkat nasional dan negeri.

Dalam kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Statistik kapasiti penggunaan industri Pembuatan adalah merupakan indikator baharu dikeluarkan DOSM yang memberikan pengguna sisi lain dalam menilai prestasi sektor Pembuatan di Malaysia. Kapasiti penggunaan merujuk kepada nisbah output sebenar yang dihasilkan berbanding pengeluaran output pada kapasiti penuh melalui gabungan optimum mesin, bahan mentah dan buruh."

Mengulas laporan tersebut, beliau berkata, "Kapasiti penggunaan industri Pembuatan bagi tahun 2015 hingga 2022 berada dalam julat 69.8 peratus hingga 80.4 peratus. Kadar penggunaan terendah bagi industri Pembuatan adalah pada tahun 2020 (69.8%) berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan akibat pandemik COVID-19, yang menyebabkan ekonomi negara terhenti seketika pada tahun tersebut. Sementara itu, kadar penggunaan yang tinggi melebihi 80.0 peratus telah dicapai pada tahun 2015, 2016 dan 2022 masing-masing dengan kadar 80.1 peratus, 80.2 peratus dan 80.4 peratus.

Pada suku pertama tahun 2023, industri Pembuatan beroperasi dengan kapasiti penggunaan 79.6 peratus, berkurang sebanyak 1.5 mata peratus berbanding tahun lalu (ST1 2022: 81.1%). Kemerosotan ini dipengaruhi terutamanya oleh penurunan dalam hampir semua subsektor kecuali Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain. Berbanding dengan suku tahun sebelumnya, kapasiti penggunaan industri Pembuatan terus menurun bagi dua suku tahun berturut-turut dengan negatif 0.6 mata peratus (ST4 2022: 80.2%; -1.1 mata peratus).

Sejajar dengan itu, kadar kapasiti penggunaan bulanan bagi industri Pembuatan meningkat pada Mac 2023 mencapai 80.6 peratus selepas dua bulan beroperasi dengan kapasiti di bawah 80.0 peratus iaitu 79.2 peratus (Januari 2023) dan 79.1 peratus (Februari 2023). Sebaliknya, kadar kapasiti penggunaan adalah lebih rendah berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya (Januari 2022: 81.3%; Februari 2022: 80.2%; Mac 2022: 81.7%). Beberapa faktor menyumbang kepada kapasiti pengeluaran yang lebih rendah pada bulan terakhir suku pertama, termasuk permintaan yang rendah; bekalan bahan yang tidak mencukupi; dan pembaikan & penyelenggaraan mesin & peralatan.”

Ketua Perangkawan mengulas lebih lanjut, “Kadar kapasiti penggunaan tertinggi pada suku pertama 2023 dicatatkan oleh subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain dengan 84.0 peratus yang meningkat sebanyak 3.0 mata peratus tahun ke tahun; dan diikuti oleh Pembuatan petroleum, kimia, getah dan plastik (80.8%; -1.8 mata peratus). Sementara itu, kadar penggunaan bagi subsektor lain adalah di bawah 80.0 peratus dengan kadar terendah dicatatkan oleh subsektor Tekstil, pakaian, kulit dan kasut pada 74.5 peratus. Kadar penggunaan untuk subsektor ini menurun sebanyak 6.4 mata peratus berbanding 80.9 peratus yang direkodkan pada suku pertama 2022. Berbanding dengan suku tahun sebelumnya, subsektor Kelengkapan pengangkutan & pembuatan lain dan Produk mineral bukan logam, logam asas & produk logam yang direka masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 3.5 mata peratus dan 0.2 mata peratus manakala subsektor lain merekodkan penurunan.”

Industri berorientasikan Domestik mencatatkan kadar kapasiti penggunaan sebanyak 80.5 peratus pada suku pertama 2023, meningkat sedikit dengan 0.04 mata peratus berbanding suku yang sama tahun lalu. Tiga kenaikan tertinggi direkodkan oleh industri Pembuatan produk farmaseutikal asas, kimia perubatan dan botani (82.8%; +6.1 mata peratus); Pembuatan produk prosesan makanan (83.8%; +4.7 mata peratus); dan Pembuatan lain (80.6%; +4.7 mata peratus).

Sebaliknya pula, kapasiti penggunaan bagi industri berorientasikan Eksport menurun sebanyak 2.0 mata peratus tahun ke tahun kepada 79.3 peratus pada suku tahun ini. Walaupun kebanyakan industri dalam segmen ini mencatatkan penurunan dalam kadar penggunaan, Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan mencatatkan peningkatan sebanyak 1.2 mata peratus untuk mencapai 65.9 peratus. Selain itu, Pembuatan pakaian (73.7%; +0.4 mata peratus) dan Pembuatan produk plastik (80.4%; +0.4 mata peratus) turut mengalami sedikit peningkatan. Berbanding dengan suku tahun sebelumnya, industri berorientasikan Domestik mencatatkan peningkatan sebanyak 1.0 mata peratus manakala industri berorientasikan Eksport menyusut sebanyak 1.2 mata peratus.

Mengulas lanjut mengenai kapasiti penggunaan di peringkat negeri, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Pada suku pertama 2023, industri Pembuatan di enam negeri

beroperasi pada kapasiti melebihi 80.0 peratus. Negeri-negeri tersebut ialah W.P. Labuan (93.3%), Kedah (83.8%), Sarawak (81.6%), Melaka (81.4%), Negeri Sembilan (81.1%) dan Johor (80.4%). Selangor yang merupakan penyumbang utama kepada sektor Pembuatan di Malaysia merekodkan kadar penggunaan sebanyak 79.5 peratus pada suku tahun ini. Sementara itu, kapasiti penggunaan di lain-lain negeri adalah di bawah kadar nasional iaitu di antara 65.8 peratus hingga 78.8 peratus.

Berbanding setahun lalu, Terengganu mencatatkan peningkatan tertinggi dengan penambahan 6.0 mata peratus dan diikuti oleh W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya yang meningkat sebanyak 2.8 mata peratus. Pada masa yang sama, kadar kapasiti penggunaan bagi tiga belas negeri mencatatkan penurunan pada suku tahun ini. Suku tahun ke suku tahun, penyumbang utama kepada industri Pembuatan seperti Selangor dan Johor terus mencatatkan penurunan kadar kapasiti penggunaan.”


Melihat kepada kadar penggunaan di beberapa negara pada suku pertama 2023, United States mencatatkan kadar 78.4 peratus manakala China dan South Korea masing-masing mencatatkan 74.3 peratus dan 70.8 peratus. Pada masa yang sama, kapasiti penggunaan di negara jiran seperti Philippines adalah 72.9 peratus manakala Indonesia pada kadar 72.3 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.


Carta 1: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan – Tahunan, Suku Tahunan dan Bulanan



Carta 2: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan Mengikut Subsektor, ST1 2023 berbanding ST1 2022 dan ST4 2022




Carta 3: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan Mengikut Negeri, ST1 2023



Nota:
* termasuk WP Putrajaya

Carta 4: Kapasiti Penggunaan Industri Pembuatan bagi Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, ST1 2019 – ST1 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 MEI 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MANUFACTURING INDUSTRY CAPACITY UTILISATION STATISTICS FIRST QUARTER 2023

Manufacturing industry operated with capacity utilisation of 79.6 per cent in the first quarter of 2023

PUTRAJAYA, 19 May 2023 – Manufacturing industry operated with capacity utilisation of 79.6 per cent in the first quarter of 2023. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the first release of **Manufacturing Industry Capacity Utilisation Statistics, Malaysia, First Quarter 2023**. This report presents statistics for the year of 2015 until the first quarter of 2023 at the national and state level.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia said, "Statistics of Manufacturing industry capacity utilisation is a new indicator released by DOSM which will provide users with another viewpoint in assessing the performance of the Manufacturing sector in Malaysia. Capacity utilisation refers to a ratio of actual output produced to the production of output at full capacity through an optimal combination of machinery, raw materials and labour."

Commenting on the report, he said, "The capacity utilisation of the Manufacturing industry for the year 2015 to 2022 was in the range of 69.8 per cent to 80.4 per cent. The lowest utilisation rate of the Manufacturing industry was in 2020 (69.8%) following the implementation of a movement control order due to the COVID-19 pandemic, which brought the country's economy to a halt during the year. Meanwhile, a high utilisation rate above 80.0 per cent was reached in 2015, 2016 and 2022 with a rate of 80.1 per cent, 80.2 per cent and 80.4 per cent respectively.

In the first quarter of 2023, the Manufacturing industry operated with capacity utilisation of 79.6 per cent, lower by 1.5 percentage points as compared to a year ago (Q1 2022: 81.1%). The downturn was primarily attributable to decreases in almost all sub-sectors except for Transport equipment & other manufactures. In comparison with the previous quarter, the capacity utilisation of the Manufacturing industry continued to trend down for two consecutive quarters with negative 0.6 percentage points (Q4 2022: 80.2%; -1.1 percentage points).

Correspondingly, the monthly capacity utilisation of Manufacturing industry rate picked up in March 2023 reaching 80.6 per cent after two months of operating below 80.0 per cent of capacity which was 79.2 per cent (January 2023) and 79.1 per cent (February 2023). On the other hand, the capacity utilisation rate was lower compared to the same month of the preceding year (January 2022: 81.3%; February 2022: 80.2%; March 2022: 81.7%). Several factors contributed to the lower production capacity in the final month of the first quarter, including low demand; insufficient supply of materials; and repair & maintenance of machinery & equipment.”

The Chief Statistician further commented, “The highest capacity utilisation rate in the first quarter of 2023 was recorded by the sub-sector of Transport equipment & other manufactures with 84.0 per cent which increased by 3.0 percentage points year-on-year; and followed by Manufacture of petroleum, chemical, rubber and plastics (80.8%; -1.8 percentage points). Meanwhile, the utilisation rate for the remaining sub-sectors was below 80.0 per cent with the lowest posted by Textiles, wearing apparel, leather and footwear sub-sector at 74.5 per cent. The utilisation rate for this sub-sector decreased by 6.4 percentage points as compared to 80.9 per cent recorded in the first quarter of 2022. In comparison with the previous quarter, the Transport equipment & other manufactures and Non-metallic mineral products, basic metals & fabricated metal products posted an increase of 3.5 percentage points and 0.2 percentage points respectively while other sub-sectors recorded a decrease.”

The Domestic-oriented industry registered a capacity utilisation rate of 80.5 per cent in the first quarter of 2023, which increased slightly by 0.04 percentage points as compared to the same quarter last year. The three highest increments were recorded by the industry of Manufacture of basic pharmaceutical products and pharmaceutical preparations (82.8%; +6.1 percentage points); Manufacture of food processing products (83.8%; +4.7 percentage points); and Other manufacturing (80.6%; +4.7 percentage points).

On the other hand, capacity utilisation in the Export-oriented industry declined by 2.0 percentage points year-on-year to 79.3 per cent in this quarter. Although most industries in this segment registered a decline in utilisation rate, the Manufacture of vegetable and animals oils and fats posted an increase of 1.2 percentage points to reach 65.9 per cent. Additionally, the Manufacture of wearing apparel (73.7%; +0.4 percentage points) and the Manufacture of plastic products (80.4%; +0.4 percentage points) also experienced slight increases. In comparison with the previous quarter, Domestic-oriented industries registered an increase of 1.0 percentage points while Export-oriented industries declined by 1.2 percentage points.

Elaborating on the capacity utilisation at the state level, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, “In the first quarter of 2023, the Manufacturing industry in six states operated at a capacity exceeding 80 per cent. These states were W.P. Labuan (93.3%), Kedah (83.8%), Sarawak (81.6%), Melaka (81.4%), Negeri Sembilan (81.1%) and Johor

(80.4%). Selangor which was the major contributor to the Manufacturing sector in Malaysia recorded a utilisation rate of 79.5 per cent in this quarter. Meanwhile, capacity utilisation in the remaining states was below the national rate, ranging from 65.8 per cent to 78.8 per cent.

In comparison with a year ago, Terengganu posted the highest increase with the addition of 6.0 percentage points and followed by W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya which increased by 2.8 percentage points. In the meantime, thirteen states posted decreases in capacity utilisation rates in this quarter. Quarter-on-quarter, major contributors to the Manufacturing industry such as Selangor and Johor continued to post a decline in capacity utilisation rate.”

Looking at the utilisation rate in several countries in the first quarter of 2023, the United States recorded a rate of 78.4 per cent while China and South Korea posted 74.3 per cent and 70.8 per cent respectively. In the meantime, capacity utilisation in neighbouring countries such as the Philippines was 72.9 per cent while Indonesia at a rate of 72.3 per cent.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Chart 1: Manufacturing Industry Capacity Utilisation - Yearly, Quarterly and Monthly




Chart 2: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by Sub-sector, Q1 2023 as against Q1 2022 and Q4 2022






Chart 3: Manufacturing Industry Capacity Utilisation by State, Q1 2023



Note:

* includes WP Putrajaya

Chart 4: Manufacturing Industry Capacity Utilisation of the Export and Domestic-oriented Industries, Q1 2019 – Q1 2023



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
19 MAY 2023